



PEKELILING KEWANGAN NEGERI BIL. 5 TAHUN 2019

PEMBERIAN BANTUAN KHAS KEWANGAN (BKK) BAJET 2020 KEPADА PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM NEGERI PERAK

1. TUJUAN

- 1.1 Kerajaan telah memutuskan untuk memberi Bantuan Khas Kewangan (BKK) Bajet 2020 sebanyak sebulan gaji atau minimum RM2,000 kepada pegawai Perkhidmatan Awam Negeri.

2. PEGAWAI YANG LAYAK DIBAYAR

- 2.1 BKK Bajet 2020 layak diterima oleh anggota pentadbiran Kerajaan Negeri, pegawai lantikan tetap, pegawai yang dipinjamkan dari/ke Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)/agensi Negeri, lantikan *contract of service*, dan lantikan *contract for service* yang **telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam Negeri dalam tahun 2019** sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut (termasuk semua jenis cuti bergaji penuh yang layak) dalam tempoh 1 Januari 2019 hingga 31 Disember 2019.

3. PEGAWAI LANTIKAN BARU, BARU BERPINDAH DARI PERKHIDMATAN AWAM PERSEKUTUAN/PBT/AGENSI NEGERI, TELAH BERPINDAH KE PERKHIDMATAN AWAM PERSEKUTUAN/PBT/AGENSI NEGERI DAN MENINGGAL DUNIA DALAM PERKHIDMATAN

- 3.1 Tertakluk kepada para 2.1, pegawai berikut adalah layak di bayar BKK Bajet 2020 secara ***pro-rata***:
 - i. Pegawai awam yang baru dilantik di dalam tahun 2019;
 - ii. Pegawai baru berpindah dari Perkhidmatan Awam Persekutuan, PBT atau agensi Negeri;
 - iii. Pegawai yang telah berpindah ke Perkhidmatan Awam Persekutuan, PBT atau agensi Negeri, (termasuk pegawai yang telah tamat/ditamatkan kontrak peminjaman dan dipulangkan balik ke agensi asal); and
 - iv. Pegawai yang meninggal dunia dalam perkhidmatan.

**PEKELILING KEWANGAN NEGERI BIL. 5 TAHUN 2019 -
PEMBERIAN BANTUAN KHAS KEWANGAN (BKK) BAJET 2020
KEPADА PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM NEGERI PERAK**

- 3.2 Formula perkiraan bagi pembayaran BKK untuk para 3.1 adalah seperti berikut:

$$\frac{\text{Hari Berkhidmat} \times [\text{Gaji Pokok atau RM2,000}]}{365 \text{ hari}}$$

4. PEGAWAI YANG BERSARA

- 4.1 Tertakluk kepada para 2.1, pegawai yang bersara wajib atau bersara pilihan dalam tahun 2019 adalah layak untuk dibayar BKK Bajet 2020 secara *pro-rata* mengikut formula berikut:

$$\frac{\text{Hari Berkhidmat} \times [\text{Gaji Pokok atau RM2,000} - \text{RM250}]}{365 \text{ hari}}$$

- 4.2 Pesara Perkhidmatan Awam yang dilantik semula secara *contract of service/contract for service* juga layak dibayar BKK Bajet 2020 menggunakan formula di para 4.1, dengan syarat mematuhi syarat di para 2.1.

5. PEGAWAI YANG BERCUTI TANPA GAJI, BERCUTI SEPARUH GAJI DAN BERCUTI BELAJAR SEPENUH MASA

- 5.1 Tertakluk kepada para 2.1, kakitangan yang bercuti tanpa gaji (CTG), bercuti separuh gaji (CSG) dan bercuti belajar sepenuh masa (CBBP) adalah layak dibayar BKK Bajet 2020 secara *pro-rata* mengikut formula berikut:

$$\frac{(\text{Hari Berkhidmat}-\text{CTG}-\text{CSG}-\text{CBBP}) \times [\text{Gaji Pokok atau RM2,000}]}{365 \text{ hari}}$$

**PEKELILING KEWANGAN NEGERI BIL. 5 TAHUN 2019 -
PEMBERIAN BANTUAN KHAS KEWANGAN (BKK) BAJET 2020
KEPADА PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM NEGERI PERAK**

6. PEGAWAI BERGAJI HARI

- 6.1 Tertakluk dengan para 2.1, pegawai yang masih dibayar gaji hari pada tarikh pembayaran BKK ini, perkiraan kelayakan adalah berdasarkan formula berikut:

$$\frac{(\text{Hari Hadir Bertugas}) \times [\text{Gaji Pokok atau RM}2,000]}{365 \text{ hari}}$$

- 6.2 'Hari hadir bertugas' bermaksud, bilangan hari sebenar pegawai tersebut hadir bertugas, tidak termasuk Sabtu, Ahad atau lain-lain cuti. Tempoh yang layak bagi pegawai di perenggan ini hanya dari 1 Januari 2019 sehingga 15 November 2019 (tarikh pengumuman BKK).
- 6.3 Pegawai ini wajib hadir bertugas sekurang-kurangnya 30 hari sebelum boleh dipertimbangkan untuk bayaran BKK ini. Hanya bagi maksud para ini, perkiraan untuk 30 hari adalah bagi tempoh 1 Januari 2019 sehingga 15 November 2019 (tarikh pengumuman BKK).

7. PEGAWAI YANG DITANGGUHKAN BAYARAN

- 7.1 Tertakluk dengan para 2.1, pegawai yang ditahan kerja, digantung kerja atau surat pertduuhan telah dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tatatertib adalah ditangguhkan bayaran BKK Bajet 2020.
- 7.2 Pegawai hanya layak dibayar BKK Bajet 2020 sekiranya Pihak Berkuasa Tatatertib memutuskan pegawai tersebut tidak bersalah.

8. PEGAWAI YANG TIDAK LAYAK

- 8.1 Berikut adalah senarai pegawai yang tidak layak dibayar BKK Bajet 2019:
- Pegawai yang berkhidmat kurang dari 30 hari berturut-turut (termasuk semua jenis cuti bergaji penuh yang layak) dalam tempoh 1 Januari 2019 hingga 31 Disember 2019;

**PEKELILING KEWANGAN NEGERI BIL. 5 TAHUN 2019 -
PEMBERIAN BANTUAN KHAS KEWANGAN (BKK) BAJET 2020
KEPADА PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM NEGERI PERAK**

- ii. Pegawai yang dikenakan hukuman tata tertib dalam tempoh 1 Januari 2019 hingga 31 Disember 2019; dan
 - iii. Pegawai yang telah meletak jawatan, tamat kontrak atau telah ditamatkan perkhidmatan dari perkhidmatan awam sebelum tarikh pembayaran BKK Bajet 2019.
- 8.2 Tertakluk kepada para 2.1, pegawai yang telah meletak jawatan dalam tahun semasa untuk mengambil jawatan yang lebih tinggi atau setara dalam perkhidmatan awam negeri/pihak berkuasa negeri/agensi negeri, perkhidmatannya dianggap bersambung dan layak dibayar BKK ini tertakluk dengan para-para lain dalam pekeliling ini.

9. PEGAWAI SAMBILAN HARIAN (PSH)

- 9.1 Tertakluk kepada para 2.1, BKK Bajet 2020 sebanyak RM1,000.00 dipanjangkan kepada Pekerja Sambilan Harian (PSH) mengikut perkiraan berikut:

$$\frac{(\text{tempoh perkhidmatan}) \times \text{RM}1,000}{365 \text{ hari}}$$

- 9.2 Tempoh perkhidmatan bagi maksud pembayaran di para 9.1 adalah perkiraan jumlah hari kakitangan ini di dalam perkhidmatan negeri, sehingga 31 Disember 2019. Sekiranya pegawai meninggalkan perkhidmatan selepas tarikh pembayaran, para 10.4 adalah terpakai.

10. PEMBAYARAN

- 10.1 Pembayaran BKK Bajet 2020 ini adalah menjadi tanggungan jabatan di mana pegawai berkhidmat pada bulan pembayaran, atau jabatan terakhir pegawai berkhidmat.
- 10.2 Bagi maksud formula perkiraan:
- i. Gaji Pokok merujuk kepada Gaji Pokok yang diterima oleh pegawai pada bulan November 2019, TIDAK termasuk apa-apa elaun lain. Walau bagaimanapun, bagi kakitangan yang telah

PEKELILING KEWANGAN NEGERI BIL. 5 TAHUN 2019 -
PEMBERIAN BANTUAN KHAS KEWANGAN (BKK) BAJET 2020
KEPADА PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM NEGERI PERAK

berpindah keluar, telah dipinjamkan, bersara atau meninggal dunia, gaji pokok adalah merujuk kepada gaji bulan terakhir beliau di dalam perkhidmatan negeri; dan

- ii. 'Hari Berkhidmat' adalah perkiraan hari berkhidmat di dalam Perkhidmatan Awam Negeri, termasuklah semua jenis cuti bergaji penuh yang layak, dengan anggapan bahawa pegawai masih berkhidmat sehingga 31 Disember 2019.
- 10.3 Pembayaran BKK Bajet 2020 adalah pada kadar satu bulan gaji atau RM2,000, mengikut mana yang lebih tinggi.
- 10.4 Sekiranya pegawai berkenaan tidak terus berkhidmat sehingga 31 Disember 2019 atas apa-apa alasan, pelarasan semula BKK Bajet 2020 perlu dilaksanakan oleh jabatan pembayar.
- 10.5 Borang Kew.8 perlu dikeluarkan bagi maksud pembayaran ini.
- 10.6 Tarikh pembayaran BKK Bajet 2019 ialah **27 November 2019**.

Sekian, terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menjalankan amanah


(DATO' ABU BAKAR BIN HAJI SAID)
Pegawai Kewangan Negeri


27 November 2019

s.k: YB Setiausaha Kerajaan Negeri
Perak Darul Ridzuan

**PEKELILING KEWANGAN NEGERI BIL. 5 TAHUN 2019 -
PEMBERIAN BANTUAN KHAS KEWANGAN (BKK) BAJET 2020
KEPADA PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM NEGERI PERAK**

SOALAN LAZIM (FAQ)

**PEKELILING KEWANGAN NEGERI BIL. 5 TAHUN 2019
PEMBERIAN BANTUAN KHAS KEWANGAN (BKK) BAJET 2020 KEPADA
PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM NEGERI PERAK**

1. KADAR PEMBAYARAN

1.1. Berapakah kadar bayaran BKK untuk kakitangan negeri?

Semua anggota perkhidmatan negeri yang ditafsirkan dalam para 2.1 adalah layak dibayar BKK pada kadar sebulan gaji, atau RM2,000 mengikut mana yang lebih tinggi.

Walau demikian, para 3 hingga para 9 ada menjelaskan syarat-syarat tambahan yang perlu dipatuhi dalam situasi-situasi tertentu.

2. PEGAWAI YANG BERTUKAR

2.1. Bagaimana perkiraan hari berkhidmat untuk kakitangan yang bertukar keluar dari perkhidmatan awam negeri ke perkhidmatan awam persekutuan / PBT / Agensi negeri?

Perkiraan hari berkhidmat hanyalah jumlah hari dari 1 Januari 2019 sehingga hari terakhir pegawai berkhidmat di dalam perkhidmatan awam negeri. Gaji pokok yang dirujuk bagi perkiraan adalah gaji pokok terakhir yang diterima di dalam negeri Perak.

Contohnya, surat pertukaran pegawai adalah berkuatkuasa 1 Jun 2019, tetapi beliau mendapat penangguhan sehingga 14 Jun 2019 dan hanya berkhidmat di persekutuan/PBT/agensi 15 Jun 2019. Maka, perkiraan hari pegawai bertugas dalam pentadbiran negeri adalah sehingga 14 Jun 2019. Gaji pokok yang digunakan bagi perkiraan BKK beliau ialah gaji bulan Mei 2019.

2.2. Bagaimana perkiraan hari berkhidmat untuk kakitangan yang baru masuk ke perkhidmatan awam negeri dari perkhidmatan awam persekutuan / PBT / Agensi negeri?

Perkiraan hari berkhidmat adalah dari tarikh beliau mula bertugas dalam perkhidmatan awam negeri sehingga 31 Disember 2019.

Contohnya, surat pertukaran pegawai adalah berkuatkuasa 1 Jun 2019, tetapi beliau mendapat penangguhan sehingga 14 Jun 2019 dan hanya berkhidmat di negeri mulai 15 Jun 2019. Maka, perkiraan hari pegawai bertugas dalam pentadbiran negeri adalah bermula dari 15 Jun 2019 sehingga 31 Disember 2019.

3. PEGAWAI YANG BERGAJI HARI

3.1. Sekiranya pegawai ini bekerja kurang dari 30 hari (0-29 hari) sepanjang tahun ini, layakkah pegawai dibayar BKK ini?

Tidak. Selaras dengan para 6.3, pegawai wajib hadir bertugas selama 30 hari sebelum boleh dipertimbangkan pembayaran.

Adalah diingatkan, perkiraan 30 hari (tidak berturut) adalah hanya dari 1 Januari 2019 sehingga 15 November 2019 (tarikh pengumuman BKK).

Perkiraan BKK beliau hanya bagi hari bertugas dari 1 Januari 2019 sehingga 15 November 2019 (tarikh pengumuman BKK) sahaja

3.2. Sekiranya pegawai pernah bergaji hari dalam tahun ini, dan kini pegawai telah dibayar gaji bulanan seperti biasa, bagaimana perkiraan BKK beliau?

Perkiraan seperti di para 6.1 hanya terpakai kepada pegawai yang masih dibayar gaji hari pada tarikh pembayaran.

Oleh yang demikian, sekiranya beliau telah dibayar gaji bulanan seperti biasa, perkiraan BKK bagi pegawai ini adalah mengikut perkiraan di FAQ 1, tertakluk kepada para lain di dalam pekeliling.

4. PEGAWAI YANG DITANGGUHKAN BAYARAN

4.1. Sekiranya pegawai telah dirujuk kepada Lembaga Tatatertib, adakah pembayaran BKK terus boleh ditangguhkan?

Pembayaran BKK hanya ditangguhkan kepada pegawai yang ditahan kerja, digantung kerja atau pegawai yang telah dikeluarkan surat pertuduhan oleh Pihak Berkuasa Tatatertib.

Oleh yang demikian, sekiranya pengurusan kes masih dalam tindakan dan tiada surat pertuduhan dikeluarkan, maka pegawai masih layak dibayar BKK.

Pegawai yang telah dijatuhkan hukuman tatatertib dengan sendirinya terlucut hak BKK selaras dengan para 8.1(ii) pekeliling.

5. PEGAWAI YANG MELETAK JAWATAN UNTUK MENERIMA JAWATAN YANG LEBIH TINGGI/SETARA

5.1. Sekiranya pegawai berhenti dari PSH, dan menjawat jawatan kontrak/tetap dalam perkhidmatan awam negeri, bagaimana perkiraan BKK beliau?

Pegawai yang berhenti dari PSH untuk menjawat jawatan kontrak/tetap dalam perkhidmatan awam negeri, tempoh perkhidmatannya dikira bersambung.

Namun demikian, perkiraanya perlu menggunakan formula PSH (para 9.1) untuk tempoh PSH, dan menggunakan formula di para 3.2 untuk perkhidmatan kontrak/tetap beliau. Pembayaran BKK ini perlu dibuat oleh jabatan terkini pegawai berkhidmat.

5.2. Sekiranya pegawai berhenti dari kontrak, dan menjawat jawatan kontrak/tetap dalam perkhidmatan awam Persekutuan/PBT/Agensi, bagaimana perkiraan BKK beliau?

Pegawai yang berhenti dari kontrak untuk menjawat jawatan kontrak/tetap dalam perkhidmatan awam persekutuan/PBT/agensi, tempoh perkhidmatannya dikira bersambung.

**PEKELILING KEWANGAN NEGERI BIL. 5 TAHUN 2019 -
PEMBERIAN BANTUAN KHAS KEWANGAN (BKK) BAJET 2020
KEPADА PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM NEGERI PERAK**

Namun demikian, pembayaran bagi BKK hanya dibuat bagi tempoh beliau berkhidmat di dalam perkhidmatan awam negeri menggunakan gaji pokok terakhir yang beliau terima ketika itu. Formula di para 3.2 boleh digunakan.

6. PEGAWAI LANTIKAN *CONTRACT FOR SERVICE*

- 6.1. Termasuk di dalam elaun pegawai lantikan *Contract For Service* adalah gaji dan semua jenis elaun yang layak ke atas beliau. Bagaimana penetapan gaji pokok bagi pegawai tersebut?**

Perkiraan BKK adalah bersandarkan gaji pokok, dan bukan jumlah elaun yang diterima pegawai. Oleh demikian, bagi kakitangan yang dilantik secara *contract for service* atau lain-lain kakitangan yang dibayar elaun menggunakan OS29000, gaji pokok merujuk kepada komponen gaji dalam elaun mereka, dan TIDAK termasuk apa-apa elaun lain yang dibayar bersekali.

7. PELARASAN BAYARAN BKK

- 7.1. Sekiranya pegawai bertukar/berhenti/bersara/meninggal dunia/bercuti tanpa gaji/bercuti separuh gaji/bercuti belajar sepenuh masa sebelum 31 Disember 2019, namun selepas pembayaran BKK dibuat, apakah perlu dibuat sebarang pelarasan?**

Ya, pelarasan perlu dibuat, selaras dengan para 10.4 pekeliling.

- 7.2. Sekiranya terdapat perubahan gaji kepada pegawai samada pergerakan gaji tahunan, pelarasan semula gaji, kenaikan pangkat atau apa-apa juga sebab lain selepas BKK dibayar, perlukah pelarasan dibuat?**

Tidak perlu dibuat pelarasan. Ini selaras dengan para 10.3 pekeliling, yang menjelaskan ia berdasarkan gaji terkini November 2019 yang diterima pegawai.